

12 DEC 1998

Mahathir-muzium

UMAT ISLAM PATUT KEMBALI MENJADI PENEROKA ILMU

KUALA LUMPUR, 12 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini merasmikan Muzium Kesenian Islam Malaysia, dengan mengajak umat Islam supaya kembali menjadi peneroka ilmu pengetahuan.

Beliau berkata semangat menerokai ilmu pengetahuan di kalangan umat Islam sudah lama pudar dan ini menyebabkan mereka hanya menjadi penerima ilmu dari bangsa lain, terutamanya dari Barat.

"Adalah amat menyedihkan ilmu, seperti dalam bidang perubatan dan kaji bintang, yang diteroki oleh ilmuan Islam, tetapi kemudiannya diketepikan oleh orang Islam dan diambil pula oleh orang Eropah hingga ke hari ini," katanya pada majlis perasmian muzium itu yang berharga RM70 juta, yang pertama seumpamanya di rantau ini.

Beliau berkata orang Islam kini tidak kurang kebolehan dan kebijaksanaan mereka berbanding dengan umat Islam terdahulu, mahupun orang Barat yang menguasai ilmu pengetahuan dalam banyak bidang sekarang.

Dr Mahathir berkata pereka bom nuklear yang diuji di India dan Pakistan baru-baru ini adalah merupakan orang Islam, dan banyak lagi saintis Islam lain membantu mencipta peralatan elektronik, tetapi mereka bekerja di Amerika Syarikat.

Menerangkan lebih lanjut kebolehan para ilmuan Islam, Dr Mahathir berkata Ibnu Sina telah mengetahui kebanyakan jenis penyakit ketika masyarakat Eropah masih lagi mempercayai perkara-perkara tahyul.

Katanya dalam bidang kaji bintang ilmuan Islam beratus tahun dahulu telah berjaya meneroka ruang angkasa sehingga mereka dapat mengira dengan tepat kedudukan bintang-bintang, dan ia masih digunakan untuk meneroka angkasa hingga sekarang.

"Tetapi oleh kerana kita tidak peka dengan ilmu dan hanya menjadi penerima, maka kita anggap ilmu perubatan sekarang sebagai ilmu dari Barat pada hal ia berasal daripada orang Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata usaha untuk menggalakkan orang Islam menjadi peneroka ilmu bukan bermakna untuk menolak ilmu daripada Barat, kerana ilmu tidak kira dari mana pun, asalkan ia baik dapat membantu mensejahterakan kehidupan.

Katanya usaha itu akan menjadikan orang Islam sebagai peneroka ilmu, dan akan menjadikan mereka lebih baik kerana mereka lebih yakin dengan ajaran agama Islam.

Mengenai Muzium Kesenian Islam Malaysia Dr Mahathir berkata ia diharapkan dapat menjadikan bukan sahaja orang Islam, tetapi juga orang bukan Islam, lebih mengetahui dan memahami ajaran Islam.

"Banyak sangat salah faham tentang Islam termasuk anggapan mengatakan orang Islam suka melakukan pembunuhan dan keganasan tanpa sebab, dan muzium ini akan dapat membantu orang bukan Islam lebih memahami tentang Islam," katanya.

Muzium itu berharga RM70 juta, mempunyai ruang pameran seluas 22,000 meter persegi, terletak berhampiran dengan Pusat Islam dan Masjid Negara, ia dibina serta diuruskan oleh Yayasan Albukhary.

Muzium itu akan menempatkan pelbagai artifak dan barangan kesenian Islam dari serata dunia, yang akan menjadikannya pusat pendidikan, penyelidikan dan kesenian Islam yang unggul.

Berbagai pihak termasuk negara-negara seperti Bosnia-Herzegovina, India dan Iran, dan orang perseorangan seperti Sultan Hasanal Bolkiah dari Brunei

meminjamkan koleksi artifak masing-masing untuk dipamerkan di muzium itu.
--BERNAMA
MT RI